



"YA HUSAIN, YA HUSAIN, YA HUSAIN".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَا آتَنَّكُمْ أَرَسْوُلُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَنَّكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا^١</p> <p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،</p> <p>أَرْسَلَهُ عَزَّ وَجَلَّ بَيْنَ يَدِي السَّاعَةِ، بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا،</p> <p>فَادَّى الْأَمَانَةَ، وَبَلَّغَ الرِّسَالَةَ، وَجَاهَدَ فِي سَبِيلِ رَبِّهِ حَتَّى أَتَاهُ الْيَقِينَ، اللَّهُمَّ فَصَلِّ</p> <p>وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p> <p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! إِتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan tuan-tuan agar bertakwa kepada Allah dengan melaksanakan titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang dijamin selamat di dunia dan di akhirat.</p> <p>Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Kita baru sahaja selesai menyambut kehadiran Zulhijjah dengan peristiwa-peristiwa agong yang berlaku di dalamnya, kita telah melaksanakan berbagai ibadah yang bertepatan dengan kehendak syarak. Kini kita berada dalam bulan Muharram, bulan yang disepakati oleh umat Islam sebagai bulan pertama dalam Takwim Hijri atau Qamari. Dalam bulan ini saban tahun kita mengadakan sambutan Maal Hijrah sebagai memperingati peristiwa hijrah Rasulullah SAW bersama para sahabat Radhiallahu Anhum. Dalam bulan ini juga kita menyambut hari Asyura (عاشوراء) dan Tasu'a (تاسوعاء) dengan berpuasa pada hari-hari tersebut sebagai mengikuti jejak langkah yang dilakukan oleh baginda Nabi SAW, ini adalah bertujuan untuk memperingati peristiwa yang belaku kepada para Nabi sebelumnya. Demikianlah umat Islam terus istiqamah menanjung dan menjulang Syariat Muhammadiyyah sebagai agama yang suci murni.</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،</p> <p>أَرْسَلَهُ عَزَّ وَجَلَّ بَيْنَ يَدِي السَّاعَةِ، بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا،</p>	3
<p>فَادَّى الْأَمَانَةَ، وَبَلَّغَ الرِّسَالَةَ، وَجَاهَدَ فِي سَبِيلِ رَبِّهِ حَتَّى أَتَاهُ الْيَقِينَ، اللَّهُمَّ فَصَلِّ</p> <p>وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	4
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! إِتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	5
<p>Saya berpesan kepada diri saya dan tuan-tuan agar bertakwa kepada Allah dengan melaksanakan titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang dijamin selamat di dunia dan di akhirat.</p>	6
<p>Kita baru sahaja selesai menyambut kehadiran Zulhijjah dengan peristiwa-peristiwa agong yang berlaku di dalamnya, kita telah melaksanakan berbagai ibadah yang bertepatan dengan kehendak syarak. Kini kita berada dalam bulan Muharram, bulan yang disepakati oleh umat Islam sebagai bulan pertama dalam Takwim Hijri atau Qamari. Dalam bulan ini saban tahun kita mengadakan sambutan Maal Hijrah sebagai memperingati peristiwa hijrah Rasulullah SAW bersama para sahabat Radhiallahu Anhum. Dalam bulan ini juga kita menyambut hari Asyura (عاشوراء) dan Tasu'a (تاسوعاء) dengan berpuasa pada hari-hari tersebut sebagai mengikuti jejak langkah yang dilakukan oleh baginda Nabi SAW, ini adalah bertujuan untuk memperingati peristiwa yang belaku kepada para Nabi sebelumnya. Demikianlah umat Islam terus istiqamah menanjung dan menjulang Syariat Muhammadiyyah sebagai agama yang suci murni.</p>	7

¹ al-Hasyr : 7.



Namun dicelah-celah keghairahan ini terdapat perbuatan dan amalan yang menjatuhkan imej kemurnian Islam itu sendiri. Perbuatan tersebut ialah sambutan Hari Karbala yang dilakukan oleh ekstrimis Syiah di beberapa buah Negara.	8
Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,	
Hari Karbala yang disambut oleh pengikut Syiah pada 10 Muharram ialah hari bersedih memperingati peristiwa pembunuhan kejam terhadap Sayyidina Husain Radhiallahu Anhu cucunda baginda Nabi SAW. Hari tersebut disambut oleh penganut-penganut Syiah dengan berbagai acara seperti ceramah, nyanyian dan perarakan untuk melahirkan kesedihan terhadap peristiwa tragis tersebut. Apa yang jelek dan melucukan ialah perbuatan menampar dan memukul dada sambil berteriak menyebut "Ya Husain, Ya Husain, Ya Husain!". Malah lebih meloyakan lagi ialah perarakan yang bermandikan darah dengan menikam perut, memahat dan melukakan kepala serta belakang badan dengan benda tajam. Sesungguhnya perbuatan tersebut amat jauh menyimpang dari ajaran Islam yang sebenar, malah mirip kepada perbuatan penganut-penganut agama Majusi dan penyembah berhala.	9
Hadirin Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,	
Jika difikirkan dengan secara mendalam, kenapa mereka hanya bersedih dengan pembunuhan Husain sahaja? Kenapa tidak dengan Sayyidina Hamzah, Sayyidina Umar, Sayyidina Osman dan Sayyidina Ali?, sedangkan kematian mereka juga adalah kematian yang amat menyedihkan, mereka adalah sahabat Nabi Radhiallahu Anhum yang telah bertungkus lumus bersama Rasulullah meletak batu asas pembinaan Islam di peringkat awal. Sebaliknya golongan Syiah amat gembira dengan kematian Sayyidina Umar Radhiallahu Anhu dan berterima kasih kepada Abu Lu'lu'ah (أبو لؤلؤة) orang yang menikam perut Umar ketika sedang solat. Bahkan kubur Abu Lu'lu'ah pun dibina dengan gah sekali seolah-olah kubur seorang pahlawan yang berjasa.	10
Sesungguhnya amalan sesat yang mereka amalkan itu bukan sekadar amalan, tetapi ianya dilakukan berdasarkan aqidah dan pegangan mereka yang menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Betapa tidak, ini kerana mereka memang berakidah bahawa Saiyidina Abu Bakar, Umar, Osman dan Muawiyah adalah dianggap sebagai berhala Quraisy yang merampus jawatan khalifah dari tangan Saiyidina Ali Radhiallahu Anhu.	11



Bahkan mereka berpegang kepada kepercayaan bahawa para sahabat Nabi semuanya menjadi murtad selepas kewafatan Baginda Nabi SAW kecuali Al-Miqdad ibn al-Aswad (أبو ذر الغفارى), Abu Zar Al Gifari (المقداد ابن الأسود) dan Salman Al Farisi (الفارسي). Wal'iyazubillah!, tidak syak lagi bahawa kepercayaan tersebut adalah kepercayaan karut yang langsung tidak boleh diterima oleh akal. Sedarkah mereka siapa sebenarnya orang yang mereka murtadkan itu?

12

Bukankah mereka adalah sahabat-sahabat Nabi yang dipuji oleh Allah dalam al-Quran sepertimana dalam surah al-Taubah ayat 100:

وَالسَّبِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعْدَّ لَهُمْ جَنَّتٌ تَجْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَرُ خَالِدِينَ
فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

13

"Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang "Muhajirin" dan "Ansar", dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan dia, serta ia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar."

14

Dan ketahuilah juga bahawa sebahagian daripada para sahabat yang dimurtadkan itu adalah para sahabat yang telah diisytiharkan oleh Nabi sebagai sebahagian dari penghuni syurga, pengakuan ini jelas melalui sabda Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abdul Rahman Bin Auf:

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: أَبُو بَكْرٍ فِي الْجَنَّةِ، وَعُمَرُ فِي الْجَنَّةِ، وَعُثْمَانُ فِي الْجَنَّةِ، وَطَلْحَةُ فِي الْجَنَّةِ، وَالزُّبَيرُ فِي الْجَنَّةِ، وَعَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ فِي الْجَنَّةِ، وَسَعْدُ بْنُ أَبِي وَقَاصٍ فِي الْجَنَّةِ، وَسَعِيدُ بْنُ زَيْدٍ بْنِ عَمْرُو بْنِ نُفَيْلٍ فِي الْجَنَّةِ، وَأَبُو عُبَيْدَةَ بْنُ الْجَرَاحِ فِي الْجَنَّةِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ.

15



<p>“Sesungguhnya Nabi SAW telah bersabda: Abu Bakar penghuni Syurga, ‘Umar penghuni syurga, ‘Ali penghuni syurga, ‘Osman penghuni syurga, Talhah penghuni Syurga, Zubair penghuni syurga, ‘Abd. Rahman bin ‘Auf penghuni syurga, Saad Bin Abi Waqqas penghuni syurga, Sa’id ibnu Nufail dan Abu ‘Ubaidah ibnu Al-Jarrah penghuni syurga, Radhiallahu Anhum.” <i>(Riwayat al-Tirmizi).</i></p>	16
<p>Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Sebenarnya kesesatan Syiah ini bukan setakat perkara tersebut itu sahaja malah ada beberapa kesesatan yang lebih dahsyat dan tidak boleh dikompromi dengan Islam, kesesatan-kesesatan tersebut antara lain adalah:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Mengkafirkan Ummul Mukminin Sayyidatina Aisyah Binti Abu Bakar dan isteri-isteri Rasulullah yang lain. ‘Aisyah dikatakan sebagai ketua penduduk neraka, wal’iyazubillah!	17
<ol style="list-style-type: none">2. Menurut Syiah, al-Quran yang ada di sisi kita (Ahli Sunnah) pada hari ini sebenarnya palsu dan telah diselewengkan manakala al-Quran yang benar adalah di sisi mereka yang dikenali sebagai “mushaf Fatimah”, di mana kandungannya tiga kali ganda daripada al-Quran kita.	18
<p>Hadirin yang dirahmati Allah,</p>	
<p>Sebenarnya Umat Islam di negara ini melalui Majlis Agama Negeri-negeri, terutama negeri Selangor sangat peka terhadap perkembangan kepercayaan dan anutan sesat dan menyeleweng ini. Fatwa mengenai Syiah telah dikeluarkan dan diwartakan di Selangor pada tahun 1989 dan 2013. Justeru, umat Islam tidak ada alasan untuk terpengaruh kepada ajaran syiah yang memerangkap mangsanya melalui pelbagai cara termasuk di institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, syarikat-syarikat umrah, pusat-pusat tuisyen, kelas-kelas bimbingan al-Quran, buku kanak-kanak, novel, komik dan lain-lain lagi. Justeru, khatib menyeru agar seluruh umat Islam hendaklah sentiasa berwaspada terhadap penyebaran fahaman Syiah di Negara ini agar seluruh ahli keluarga kita terselamat daripada kesesatan dan azab neraka Allah SWT.</p>	19



<p>Menelusuri khutbah ini, maka umat Islam mestalah mengambil perhatian kepada perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib berpegang kepada ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah dari sudut akidah, syariah dan tasawuf.2. Umat Islam wajib peka terhadap sebarang propaganda dan perancangan licik dari ajaran-ajaran dan kumpulan yang menyesatkan,	20
<ol style="list-style-type: none">3. Umat Islam mestalah menjadi mata dan telinga kepada pihak berwajib Agama Islam apabila ternampak kegiatan yang mencurigakan berselindung disebalik penggunaan nama dan jenama Islam.4. Umat Islam hendaklah menimba ilmu-ilmu agama daripada guru-guru yang muktabar dan bertauliah.	21
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ وَقُلْ لَحْمَدُ لِلَّهِ سَيِّدِ الْكَوَافِرِ</p>	22
<p><i>Dan katakanlah (Wahai Muhammad): "Segala puji tertentu bagi Allah (yang melimpahkan nikmat-nikmat-Nya yang tidak terhitung), ia akan memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaannya supaya kamu dapat mengetahui-Nya (dengan jelas nyata)"; dan Tuhanmu tidaklah lalai akan segala yang kamu lakukan.</i> <i>(al-Naml :93).</i></p>	23
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	24
<p>أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	25



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الْدِينِ。أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	2
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlik dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>	3
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَلَّهُ إِلَيْهِ الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.</p>	4
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الرُّسُلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ。اللَّهُمَّ أَعِرِّ إِلَاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَ الْدِينِ。وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنِيَّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى آنْتَ حَفَظَ بِعِينِ عِنَائِيَّكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحَفْظِ وَقَائِيَّكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ لَهُ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلَاغُورِ،</p>	7
<p>سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ。اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْهَدَى وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	8



فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَالْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا	9
مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغٌ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىٰ وَالرَّشَادِ。	10
Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.	11
Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.	13
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً。رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ	14
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ	15
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرُكُمْ وَا شُكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	15